

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Pada suatu petang, Rosmohadi dan Mardiana sedang berjalan-jalan di Orchard Road. Mereka telah berjumpa dengan ibu rakan mereka, Zul. Ibu Zul memberitahu mereka bahawa Zul telah dimasukkan ke hospital setelah terjatuh semasa bermain sepatu roda. Kaki kiri Zul patah dan kedua-dua tangannya luka.

Keesokan harinya, Rosmohadi dan Mardiana pergi melawat Zul di hospital. Mereka membawa buah-buahan sebagai buah tangan. Zul berasa sangat gembira melihat kedatangan rakan-rakannya itu.

Tiga hari kemudian, Zul pun dibenarkan pulang ke rumahnya. Zul sungguh gembira kerana dia sudah bosan duduk di hospital yang sunyi itu. Zul terpaksa bergerak dengan menggunakan tongkat kerana kakinya disimen.

Kefahaman

1. Siapakah yang dijumpai oleh Rosmohadi dan Mardiana sewaktu mereka berjalan-jalan di Orchard Road?
2. Mengapakah Zul dimasukkan ke hospital?
3. Apakah kecederaan yang dialami oleh Zul?
4. Apakah yang dibawa oleh Rosmohadi dan Mardiana sebagai buah tangan?
5. Mengapakah Zul berasa sungguh gembira dapat pulang ke rumahnya?